

[Home](#) / [2025](#) / [June](#) /

FOA Market Place 4.0 : Kebersamaan Dalam Menjana Ekonomi dan Memupuk Semangat Keusahawanan.

## SDG

12/06/2025 / ILIYA DAYINI IMRAN



Jengka, Pahang, 08 Mei 2025 – Inisiatif berterusan oleh Fakulti Perakaunan, Program FOA Marketplace 4.0 telah berlangsung dengan jayanya di Bangunan Leucaena, UiTM Cawangan Pahang. Program tahunan ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2022.

Majlis perasmian FOA Marketplace 4.0 telah disempurnakan oleh Yang Brs. Prof. Madya Dr. Hajah Nazirah binti Ramli, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik (HEA), UiTM Cawangan Pahang. Program ini telah menghimpunkan sebanyak 27 gerai yang diwakili oleh pelajar, wakil persatuan pelajar, serta staf UiTM. Sepanjang program ini berlangsung, pelbagai produk menarik diletakkan, termasuk aneka juadah makanan dan minuman, buah-buahan segar, bunga-bunga, serta pakaian yang menampilkan kreativiti para usahawan muda.



FOA Marketplace berfungsi sebagai platform latihan keusahawanan yang praktikal, yang mana para peserta diberi peluang untuk menjalankan perniagaan sebenar. Ia bukan sahaja membuka ruang kepada mereka untuk mengaplikasikan teori dan ilmu perniagaan yang dipelajari, malah membantu

meningkatkan keyakinan diri serta kemahiran komunikasi dan pengurusan operasi. Program ini juga menjadi medium bagi memupuk semangat kerjasama, kreativiti, dan inovasi dalam kalangan warga kampus, selari dengan hasrat universiti dalam melahirkan graduan holistik yang bukan sahaja cemerlang dari aspek akademik, malah memiliki nilai tambah dalam keusahawanan dan daya saing di pasaran kerja.

Penganjuran program ini juga sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera yang berjaya dan berdaya saing. Ia turut mendukung matlamat Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), iaitu kepentingan pembinaan modal insan berkualiti tinggi serta berdaya cipta, berfikiran keusahawanan, dan memiliki nilai serta etika perniagaan yang kukuh. Program ini menjadi satu mekanisme penting dalam menyemai budaya keusahawanan dalam ekosistem pendidikan tinggi, sekali gus menyumbang ke arah merealisasikan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030).

Sambutan luar biasa yang diterima daripada seluruh warga kampus membuktikan bahawa program ini bukan sahaja relevan, malah amat diperlukan dalam merencanakan pembangunan ekonomi dan keusahawanan di peringkat institusi. Inisiatif ini juga selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari ke-8 (SDG8), yang menumpukan kepada pertumbuhan ekonomi inklusif dan peluang pekerjaan yang berkualiti, terutamanya dalam kalangan generasi muda.



Tags: [Fakulti Perakaunan](#), [UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Kesihatan Mental di Tempat Kerja:  
 Peranan dan Tanggungjawab  
Organisasi

UiTM Perak Anjur Webinar Aplikasi  
Radiasi dalam Perubatan Nuklear

QUICK  
LINKS

HUBUNGI  
KAMI



Ministry of Higher Education	Universiti Teknologi MARA
Academic Calendar	(UiTM)
Intake Calendar	40450 Shah Alam, Selangor
Graduate Quick Search	Darul Ehsan
Library	Malaysia
UiTM Holdings	Tel: +603-5544 2051 / 2000
WiFi UiTM	
E-Complaint	

Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress